

**Satu Calon Satu Kerusi Bukan Dasar Bersama Pakatan - Naib Presiden PAS
Bernama
31 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Naib Presiden PAS Salahuddin Ayub menegaskan bahawa dasar 'satu calon satu kerusi' yang dicadangkan Pengerusi Kebangsaan DAP Karpal Singh bukanlah dasar bersama pakatan pembangkang.

Sebaliknya, kata Salahuddin, ia hanya terpakai kepada DAP.

"Tidak timbul masalah. Lagi pun kita telah lama mengamalkan satu calon satu kerusi kecuali dalam kes-kes tertentu seperti Presiden (Datuk Seri Abdul Hadi Awang) yang ada dua kerusi (Parlimen Marang dan Dewan Undangan Negeri Rhu Rendang)," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, pada Rabu.

Pakatan pembangkang terdiri daripada PAS, DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Salahuddin berkata PAS tidak pernah menghalang mana-mana anggotanya untuk bertanding di dua kerusi iaitu satu kawasan Parlimen dan satu kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), jika mereka diminta berbuat demikian oleh pimpinan tertinggi parti.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=706008>